



مجلس النيابة للطلبة الماليزيين بالأردن

MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA MALAYSIA JORDAN

MALAYSIAN STUDENTS REPRESENTATIVE COUNCIL OF JORDAN

AKAD CARUMAN

TAKAFUL INTER-BKAN UZS MPMMJ

1. Dokumen ini merupakan perjanjian di antara **Badan Kebajikan Anak Negeri (BKAN)** dengan **Unit Zakat Dan Sedekah (UZS)** di bawah seliaan Majlis Perwakilan Mahasiswa Malaysia Jordan (MPMMJ).
2. Perjanjian ini adalah untuk kegunaan selama **12 bulan** (atau sehingga tarikh yang ditetapkan oleh Panel Inter-BKAN UZS sesi semasa dengan persetujuan dua pertiga YDP BKAN yang mencarum), iaitu sehingga pembaharuan caruman akad akan datang.
3. BKAN yang menandatangani perjanjian ini bersetuju untuk mencarum di dalam Takaful INTERBKAN bagi sesi akad bertarikh **17/7/2026 sehingga 16/7/2027** (atau tarikh lain yang ditetapkan pihak Panel Inter-BKAN UZS sesi semasa dengan persetujuan dua pertiga YDP BKAN).
4. MPMMJ dan UZS bertanggungjawab untuk :
 - 4.1 Memastikan dana sentiasa mencukupi untuk menampung semua tuntutan BKAN.
 - 4.2 Menetapkan **nilai tuntutan maksimum** sebanyak **RM 800 bagi Pakej Emas** dan **RM 1200 bagi Pakej Platinum**.
5. BKAN bertanggungjawab untuk :
 - 5.1 Membayar nilai caruman yang dipersetujui untuk meneruskan kontrak perjanjian.
 - 5.2 Nilai caruman bagi **Pakej Emas ialah sebanyak RM 300** manakala **Pakej Platinum ialah sebanyak RM 450**.



مجلس النيابة للطلبة الماليزيين بالأردن

MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA MALAYSIA JORDAN

MALAYSIAN STUDENTS REPRESENTATIVE COUNCIL OF JORDAN

5.3 BKAN berhak dan bertanggungjawab untuk mengemukakan tuntutan kepada UZS jika berlaku sebarang kes yang menepati dengan syarat-syarat tuntutan.

6. Syarat tuntutan adalah seperti berikut :

6.1 BKAN yang menyertai tabung ini boleh memohon dana takaful apabila ahlinya terlibat dalam kes-kes kecemasan berdasarkan salah satu daripada kategori berikut :

6.1.1 Kebakaran

- Kebakaran yang kerugiannya **melebihi RM 1700.**
- Kerugian mesti disahkan oleh AMM PZ dan Pihak UZS.

6.1.2 Kesihatan dan Rawatan

- Kos rawatan yang **melebihi RM 1400.**
- Kerugian mesti disahkan oleh AMM PZ dan Pihak UZS.

6.1.3 Kemalangan

- Kerugian **melebihi RM 2000.**
- Kerugian mesti disahkan oleh AMM PZ dan Pihak UZS.

6.1.4 Kematian Ibu Bapa di Malaysia

- Berkeinginan untuk **pulang ke Malaysia.**
- Balik dalam tempoh **kurang daripada 7 hari** selepas berita kematian.
- Tuntutan hendaklah dibuat selewat-lewatnya 7 hari selepas tiba di Jordan.

6.1.5 Kecurian

- Kerugian **melebihi RM 2000.**
- Kerugian mesti disahkan oleh AMM PZ dan Pihak UZS.



مجلس النياابة للطلبة الماليزيين بالأردن

MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA MALAYSIA JORDAN

MALAYSIAN STUDENTS REPRESENTATIVE COUNCIL OF JORDAN

- 6.2 Dana takaful hanya boleh dikeluarkan apabila **mendapat kelulusan** daripada panel penilai yang terdiri daripada **Unit Takaful Inter-BKAN UZS** dengan **persetujuan YDP BKAN** tersebut.
- 6.3 Kadar tuntutan adalah mengikut nilai yang ditetapkan pada sesi akad tersebut.
- 6.4 Tuntutan selain dari kes berikut adalah **atas budi bicara Presiden MPMMJ**.
- 6.5 Tuntutan yang dibuat kurang dari had minimum akan diteliti atas budi bicara Panel InterBKAN UZS.
- 6.6 Penafian
- 6.6.1 Kes dengan niat.
 - 6.6.2 Kecuaian.
 - 6.6.3 Bersalin.
 - 6.6.4 Individu boleh menuntut untuk satu kategori **sekali sahaja** dalam satu sesi akad.
- 6.7 Polisi tuntutan boleh ditukar dengan persetujuan sekurang-kurangnya dua pertiga YDP BKAN yang mencarum pada bila-bila masa.

Perjanjian ini telah dipersetujui oleh BKAN, UZS dan MPMMJ.

Nama BKAN :

Jumlah Caruman :

Sila Tandatangan di lampiran terakhir.



مجلس النياابة للطلبة الماليزيين بالأردن

MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA MALAYSIA JORDAN
MALAYSIAN STUDENTS REPRESENTATIVE COUNCIL OF JORDAN

Ditandatangani oleh:

Wakil BKAN :

Nama (HURUF BESAR)
(JAWATAN)
(NAMA PENUH BKAN)
Sesi Pentadbiran 2026/2027

Wakil UZS :

WAN MOHD AYYAD RABBANY BIN WAN AHMAD FAISAL
Naib Pengerusi
Unit Zakat dan Sedekah
Majlis Perwakilan Mahasiswa Malaysia Jordan (MPMMJ)
Sesi Pentadbiran 2026/2027



مجلس النياابة للطلبة الماليزيين بالأردن

MAJLIS PERWAKILAN MAHASISWA MALAYSIA JORDAN
MALAYSIAN STUDENTS REPRESENTATIVE COUNCIL OF JORDAN

Wakil MPMMJ :

NIZOMUDDIN BIN NORSHAMKAMAL

Presiden

Majlis Perwakilan Mahasiswa Malaysia Jordan (MPMMJ)

Sesi Pentadbiran 2026/2027

Tarikh Tandatangan :
